- **Lengkap (Completeness)** Tidak berlaku keadaan yang bertaburan di merata tempat. Maklumat yang lengkap dapat menjimatkan masa pengurusan maklumat. Maklumat yang lengkap dan tersusun dapat membantu dan menjimatkan masa untuk pengguna membuat keputusan atau menyelesaikan masalah. Apabila pelajar dapat memperoleh maklumat yang lengkap dan sesuai dengan kehendak projek, ia akan memudahkan pelajar untuk membuat kajian kes yang dijalankan. Pelajar digalakkan supaya mengumpul maklumat yang relevan dan penting.
- **Ringkas (Conciseness)** Maklumat hendaklah ringkas, penting untuk menjimatkan masa. Pengguna tidak dapat membuat keputusan yang tepat dan bertepatan waktu tanpa maklumat yang cukup. Walau bagaimanapun, maklumat yang dibekalkan hendaklah tepat dan ringkas. Kuantiti maklumat yang terlampau banyak hanya akan membebaskan pengguna. Di era digital, ledakan maklumat telah menyebabkan terjadinya Information Overload, dengan itu pelajar disarankan supaya mencari maklumat yang benar - benar penting dan sesuai dengan kajian kes yang dijalankan. Carian maklumat hendaklah fokus pada subjek. Oleh itu, skop pencarian maklumat hendaklah diperkecilkan dengan menggunakan teknik pencarian maklumat yang betul.

- **Berkaitan (Relevancy)** Maklumat itu hendaklah berasaskan need-to-know. Maklumat yang diterima oleh pengguna mesti mempunyai kaitan dengan tanggungjawab dan tujuan pengguna. Maklumat yang tidak relevan hanya akan menyebabkan kelewatan memproses maklumat, oleh itu penilaian dan keputusan juga akan lambat tercapai. Dalam hal ini, pelajar hendaklah mencari maklumat yang relevan dan sesuai dengan kajian kes yang dijalankan. Dengan memperolehi maklumat yang relevan, ianya akan memudahkan pelajar dalam menjalankan kajian kes kerana ia dapat menjimatkan masa pelajar dalam carian maklumat. Oleh itu, pelajar perlu mempunyai search strategies yang berkesan untuk mencari dan menilai maklumat yang diperlukan. Antara *search strategies* yang boleh dilakukan adalah seperti menggunakan teknik Boolean search, mencari maklumat yang berautoriti dan diyakini seperti menggunakan pangkalan jurnal seperti Emerald Insight dan juga mengecilkan dan memberikan fokus pencarian maklumat seperti menggunakan Google Advanced Search.

Bahan bercetak

Bagi menilai sama ada maklumat tersebut sesuai dengan keperluan pelajar, pelajar boleh melihat pada muka surat kandungan, abstrak atau dengan melihat kepada sinopsis. Muka surat tersebut dapat memberi maklumat secara ringkas bahan berkenaan.

SUMBER MAKLUMAT YANG BOLEH DIPERCAYAI DAN MEMPUNYAI KESAHAN YANG TINGGI:

.gov

The screenshot shows the official website of the Ministry of Rural and Regional Development (MRRD) of Malaysia. The page is titled 'Official Portal MINISTRY OF RURAL AND REGIONAL DEVELOPMENT'. It features a navigation menu with categories like 'CITIZEN', 'BUSINESS', 'INTERNAL KKLW', and 'CORPORATE INFO'. The main content area includes an 'Announcement' section with various news items, a large banner for 'KUD 2016 MINI KARNIVAL USAHAWAN DESA', and a sidebar with 'POPULAR LINK', 'WEBMAIL', 'CONTACT US & FEEDBACK', and 'DIRECTORY'. The footer contains 'Customer Service', 'Letter to Editor', 'Research', 'Media@KKLW', and 'Tender and Quotation' links.



.edu



MODUL 6

Tajuk	Kertas Cadangan Penyelidikan & Analisis Data (<i>Microsoft Excel</i>)
Objektif	<ol style="list-style-type: none">1. Memberikan pengetahuan bagaimana menyediakan kertas cadangan penyelidikan yang baik kepada pelajar.2. Mengetahui cara terbaik untuk menganalisa data secara berkesan.
Hasil Pengajaran	<ol style="list-style-type: none">1. Pelajar dapat mengetahui kaedah penyediaan kertas cadangan penyelidikan yang baik.2. Pelajar dapat memahami kaedah terbaik dalam menganalisa data secara berkesan.
Kemahiran	Penyediaan kertas cadangan penyelidikan dan menganalisa data.
Isi Kandungan	<ol style="list-style-type: none">1. Kertas Cadangan Penyelidikan2. Analisa Data
Pengajaran / Alat Bantu Mengajar	<ul style="list-style-type: none">• Buku Modul• Slaid Pembentangan• Contoh Bahan Rujukan• Latihan
Penilaian	<ul style="list-style-type: none">• Hasil Latihan• Pemerhatian sewaktu kelas
Gerak Kerja dan tempoh masa	<ul style="list-style-type: none">• Ceramah – 45 minit• Latihan Amali – 45 minit

KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN & ANALISIS DATA (MICROSOFT EXCEL)

Pengenalan Penyediaan Kertas Penyelidikan

Penyataan ringkas tentang permasalahan yang hendak diselidiki. Proposal mengandungi sasaran pengkajian yang khusus, tinjauan kajian lepas yang mewakili atau berkaitan dengan permasalahan yang dikaji, suatu penerimaan teoritis dan kaedah yang akan digunakan.

Proposal mengandungi:

- i. Pendahuluan
- ii. Takrifan/Penyataan masalah/Isu kajian
- iii. Tujuan/Objektif
- iv. Kajian lepas
- v. Teori dan definisi konsep.
- vi. Implikasi kajian. Adakah kajian ini relevan/signifikan/penting/memberi faedah
- vii. Kesimpulan
- viii. Rancangan Penyelidikan (*Milestone*)
- ix. Rujukan

Pengenalan ringkas mengenai isu yang hendak ditangani. Mengapa anda memilih isu tersebut? Adakah isu tersebut penting untuk diselesaikan?

A. TAKRIFAN MASALAH/PENYATAAN MASALAH/ISU KAJIAN

Penyataan masalah merujuk kepada satu pernyataan yang jelas, tepat dan ringkas kepada persoalan atau isu yang diselidiki dengan tujuan untuk mencari jawapan atau penyelesaian. Ia merupakan sebarang situasi yang ada pada ruang antara tahap yang sebenar dan tahap yang dihayati (Sekaran 2000). Pernyataan masalah ini perlu dinyatakan dengan tepat dan jelas (Majid 2005).

Apakah isu yang hendak anda tangani atau apakah isu yang timbul sehingga mendorong anda hendak membuat projek. Bagaimana anda tahu isu itu wujud dan perlukan kajian. Bagi mengenal pasti permasalahan kajian anda perlu bertanya soalan seperti:

- i. Adakah permasalahan yang dipilih berguna untuk diselesaikan? Adakah permasalahan yang anda pilih merupakan permasalahan yang penyelesaiannya boleh memberi manfaat atau kesan yang penting?
- ii. Adakah terdapat kebijaksanaan yang diperlukan untuk penyelesaian kepada permasalahan tersebut?
- iii. Anda perlu bijak memilih cara/kaedah yang sesuai untuk menyelesaikan permasalahan. Pengetahuan mengenai pembentukan sampel, maksud korelasi koefisien, pengiraan deviasi piawai dan khi kuasa dua adalah diperlukan.

- iv. Tidak terlalu menyempitkan masalah sehingga permasalahan mungkin kehilangan pengertian sebagai masalah penyelidikan.

B. TUJUAN / MATLAMAT

Tujuan kajian juga dikenali sebagai matlamat. Tujuan kajian adalah sesuatu matlamat yang hendak dicapai atau tujuan melaksanakan kajian tersebut. Tujuan atau matlamat adalah jangkaan umum hasil daripada sesuatu aktiviti atau proses (Majid 2005).

C. OBJEKTIF / SASARAN KAJIAN

Objektif adalah khusus dan biasanya digunakan untuk mencapai matlamat. Objektif kajian merupakan pernyataan mengenai sasaran yang hendak dicapai, yang boleh dicerap dan diukur (Khalid 2003) sebagai hasil daripada aktiviti penyelidikannya.

Apakah sasaran khusus yang ingin dicapai? Adakalanya bahagian ini dibahagikan kepada beberapa sub bahagian yang merangkumi sasaran utama dan sasaran tambahan atau ada penekanan/perhatian utama dan perhatian sekunder. Dalam hal ini anda perlu susun sasaran dari yang penting kepada yang kurang penting. Tidak ada had bagi objektif penyelidikan. Jumlah itu ditentukan oleh keluasan penyelidikan, minat penyelidik, waktu, biaya dan tenaga. Namun adalah kurang bijak jika penyelidikan mempunyai banyak objektif kerana hal ini menyebabkan penyelidik menghadapi masalah untuk merangkumkan kesemua objektif tersebut. Objektif yang banyak juga menyebabkan kemunculan skema teoretis yang sukar.

Lazimnya objektif kajian ditulis seperti berikut:

- i. mereka bentuk/membangun ... (*Objektif yang lazim untuk pembangunan*)
- ii. mengenal pasti/ meramal ...
- iii. menganalisis/ meramal ...
- iv. menilai/ menguji ...

E. PERSOALAN KAJIAN

Merupakan perincian kepada pernyataan masalah yang dibentuk dan dibuat secara berurutan mengikut langkah demi langkah penyelesaian kajian (Khalid 2003). Persoalan kajian menyatakan dengan ringkas dan jelas masalah yang cuba diselesaikan dalam kajian.

F. KERANGKA TEORI

Merupakan asas kepada keseluruhan projek penyelidikan (Sekaran 2000). Ia adalah satu model konsepsi yang membolehkan pengkaji mengemukakan teori atau pendapat yang logik terhadap hubungan antara beberapa faktor yang dikenal pasti sebagai penting kepada masalah yang dikaji. Menurut Khalid (2003) kerangka konsep memberi huraian pertalian antara teori, model atau dapatan kajian lepas dengan masalah yang dikaji.

G. SKOP

- i. Apakah skop projek yang hendak dilakukan? Projek mesti ada batasan skop supaya tidak terlalu luas.
- ii. Skop yang kecil memudahkan penyelidikan/kajian.

H. METOD (KAEDAH)

- i. Bagaimana hendak menyelesaikan masalah kajian? Apakah cara atau kaedah yang anda guna bagi menyelesaikan masalah atau membangun projek?
- ii. Model apakah yang anda gunakan untuk membangun projek?

I. REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah perancangan yang menentukan cara penyelidikan dijalankan untuk menemukan jawapan kepada permasalahan penyelidikan yang ditetapkan. Reka bentuk melibatkan strategi untuk menyelesaikan masalah. Oleh itu reka bentuk kajian boleh ditulis menggunakan tajuk seperti (G) dan (H).

J. ANALISIS DAN SPESIFIKASI KEPERLUAN UNTUK JALANKAN PROJEK

- i. Spesifikasi Fungsian Sistem (Modul)
- ii. Spesifikasi Keperluan Sistem (Keperluan Perisian dan Perkakasan)
- iii. Bahasa yang digunakan
- iv. Keperluan Prestasi
- v. Apakah yang perlu ada bagi menyelesaikan masalah atau membangun projek?
- vi. Nyatakan adakah anda perlu melakukan soal selidik atau temu bual untuk kutip data sebelum bangunkan sistem (jika berkaitan).

K. REKA BENTUK SISTEM

- i. Huraikan dengan ringkas sistem/ projek yang hendak anda bangunkan
- ii. Nyatakan reka bentuk data dan pangkalan data yang terlibat
- iii. Nyatakan reka bentuk seni bina
- iv. Nyatakan reka bentuk antara muka

L. KAJIAN LITERASI

Kajian Literasi merupakan '*ground-clearing exercise*' semasa melakukan projek penyelidikan. Kajian literasi membantu untuk mencapai tiga (3) perkara iaitu:

1. Analisis kritis mengenai kajian lepas yang sedia ada mengenai subjek kajian.
2. Melakukan sorotan kajian literasi membantu proses menjelas dan merangka persoalan kajian kerana anda tahu perkara yang sudah dilakukan terlebih awal daripada kajian anda.
3. Dapat mengetahui perbandingan dari segi kesesuaian, faedah dan kelemahan sesuatu kaedah penyelidikan yang dipilih oleh penyelidik lampau dan yang sedang dipertimbangkan dalam menyelidiki sesuatu topik.

M. KESIMPULAN


1. Mengungkapkan sama ada projek berjaya mencapai matlamat.
2. Apakah kekuatan projek/sistem yang anda bangunkan?
3. Apakah terdapat kelemahan?
4. Apakah masalah yang anda hadapi semasa melakukan projek?
5. Apakah kebaikan/faedah yang diperolehi daripada projek atau yang diberikan oleh projek?
6. Berikan cadangan untuk memperbaiki kelemahan.
7. Bolehkah projek dikembangkan pada masa hadapan?

N. SENARAI RUJUKAN

- i. Jurnal
- ii. Buku
- iii. Kertas kerja persidangan / seminar
- iv. Laporan penyelidikan
- v. Tesis/latihan ilmiah

KAJIAN SAINTIFIK

Proses kajian saintifik adalah seperti ditunjukkan di bawah:



ANALISIS DATA

Data yang telah dikumpul melalui pelbagai kaedah dan teknik perlulah diuruskan dengan baik bagi membentuk satu kerangka analisis dan interpretasi yang sesuai. Proses analisis data adalah penting dalam proses kajian yang dijalankan kerana ia melibatkan satu prosedur yang sistematik dan berterusan bagi menyediakan asas untuk memberi makna kepada data tersebut. Oleh itu proses analisis data merupakan satu proses meringkas, merumus dan mempersembahkan data yang telah dikumpul dalam cara yang tepat dan boleh dipercayai. Ini diikuti dengan proses menginterpretasi yang melibatkan cubaan mencari makna dan implikasi daripada data yang telah dianalisis.

Menganalisis data adalah merupakan satu proses untuk memahami data. Pada asasnya kita cuba untuk menjawab soalan kajian melalui data yang dikumpul dan dianalisis. Sama ada data berbentuk numerik atau pun perkataan, tugas menganalisisnya adalah sama. Bagi Sagor (2000), terdapat dua soalan utama yang menyelidik kajian boleh gunakan sebagai panduan.

Soalan-soalan tersebut adalah:

- i. Apakah cerita yang terkandung dan tersirat dalam data?

- ii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi cerita secara signifikan?

JENIS-JENIS DATA

Analisis data bergantung kepada jenis data yang diperoleh. Terdapat dua jenis data iaitu data kuantitatif dan data kualitatif.

Data Kuantitatif

Terdiri dari angka dan berkehendakkan analisis statistik. Pengujian statistik diperlukan jika analisis inferensi dibuat. Jenis statistik yang dipakai perlu akur dengan soalan kajian dan hipotesis.

Data kuantitatif juga data informasi yang berupa simbol angka atau bilangan. Berdasarkan simbol-simbol angka tersebut, perkiraan secara kuantitatif dapat dilakukan untuk menghasilkan suatu kesimpulan yang berlaku umum di dalam suatu parameter. Nilai data boleh berubah-ubah atau bersifat variatif. Proses pengumpulan data kuantitatif tidak memerlukan banyak masa untuk dianalisis.

Data Kualitatif

Bagi analisis data kualitatif biasanya ia melibatkan analisis kandungan untuk mencari tema, pengkategorian data, pengkodan data, analisis grid dan pengenalpastian tema/corak dan makna.

PENGUMPULAN DATA

Data yang telah dikumpul melalui pelbagai kaedah dan teknik perlulah diuruskan dengan baik bagi membentuk satu kerangka analisis dan interpretasi yang sesuai. Proses analisis data adalah penting dalam proses kajian tindakan kerana ia melibatkan satu prosedur yang sistematik dan berterusan bagi menyediakan asas untuk memberi makna kepada data tersebut. Oleh itu proses analisis data merupakan satu proses meringkas, merumus dan mempersembahkan data yang telah dikumpul dalam cara yang tepat dan boleh dipercayai. Ini diikuti dengan proses menginterpretasi yang melibatkan cubaan mencari makna dan implikasi daripada data yang telah dianalisis. Pengumpulan data boleh dilakukan dengan beberapa cara temubual, pemerhatian, tinjauan dan analisis dokumen.

Dalam merancang dan melaksanakan pengumpulan data, pelbagai teknik pengumpulan data boleh digunakan bagi mendapatkan data yang sesuai dan pelbagai. Berikut adalah di antara teknik pengumpulan data yang biasa digunakan dalam kajian.

Modul analisis data dalam *Schoolwide Enrichment Model (SEM)* amat penting dalam memastikan pelajar dapat mentafsir atau menganalisis data yang diperolehi sewaktu menjalankan projek mereka.

1. Soal selidik

Soal selidik merupakan alat yang banyak digunakan untuk meninjau sejauh mana pentingnya sesuatu masalah itu dikaji berdasarkan perspektif responden yang menjadi sampel kajian.

Jenis soal selidik

Pada asasnya terdapat dua jenis soal selidik bergantung kepada bentuk soalan yang dikemukakan iaitu *open ended question* dan *close ended question*. Terdapat soal selidik yang mengemukakan soalan terbuka yang bertanya pendapat atau maklumat dalam kata-kata peserta sendiri. Soalan jenis ini khususnya sesuai untuk meneroka atau yang memerlukan reaksi yang subjektif. Sesetengah soalan dapat membantu perbualan yang lebih terbuka, terutama soalan yang bermula dengan “apa”, “mengapa” dan “bagaimana” yang dapat membantu dalam proses berfikir. Terdapat juga soal selidik yang mengemukakan soalan tertutup yang memerlukan soalan pelbagai pilihan atau jawapan pendek. Soalan yang bermula dengan “adakah”, “bilakah” atau “di manakah” akan membawa kepada soalan yang mudah dan menghadkan perbincangan. Soalan jenis ini mencari maklumat spesifik, kurang interpretasi yang boleh dibuat oleh responden.

2. Temubual

Kahn dan Cannell (1957) (dalam Marshall & Rossman) mendefinisikan temu bual sebagai “perbualan dengan bertujuan” (*conversation with a purpose*). Tujuan utama temu bual adalah untuk mendapatkan maklumat yang khusus. Mengikut Patton (1990) pula, temu bual diadakan apabila penyelidik hendak mengetahui apa-apa yang terdapat dalam minda seseorang.

Jenis Temu bual

Cara yang biasa digunakan untuk menentukan jenis temu bual yang sesuai digunakan bergantung kepada sejauh mana struktur diperlukan dalam temu bual. Biasanya terdapat tiga jenis temu bual:

i. Temu Bual Berstruktur

Temu bual berstruktur melibatkan penemubual menggunakan soalan-soalan yang telah ditentukan untuk semua responden. Ini menjadikan sangat sedikit variasi dari segi tindak balas responden. Penemubual biasanya akan merekodkan tindak balas mengikut skema pengekodan yang telah ditentukan. Satu prosedur yang standard dari segi pentadbiran temu bual dapat mengawal perjalanan temubual serta tindak balas daripada responden. Semua responden akan mendapat set soalan yang sama, ditanya dalam urutan yang sama oleh penemubual yang telah dilatih untuk menguruskan temu bual dalam keadaan yang sama. Sangat sedikit fleksibiliti dari segi soalan yang ditanya dengan jawapan diberi dalam temu bual berstruktur.

ii. Temu Bual Semi Berstruktur

Pada asasnya temu bual semi berstruktur menggabungkan ciri-ciri fleksibiliti temu bual terbuka atau tidak berstruktur dengan ciri-ciri mengarah dan seragam temu bual berstruktur. Soalan-soalan dalam temu bual semi berstruktur ditentukan terlebih dahulu

tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah terbuka, boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemubual dan responden.

iii. Temu Bual Tidak Berstruktur

Temu bual tidak berstruktur biasanya menggunakan soalan terbuka yang memberi peluang kepada responden memberi tindak balas mengikut budi bicaranya dan tidak terikat dengan sebarang jawapan alternatif atau tidak dikekang oleh panjang atau pendek soalan. Schensul at al. (1999) mengatakan bahawa temu bual tidak berstruktur atau temu bual penerokaan memerlukan minda yang peka, pemikiran logik serta kemahiran komunikasi yang baik.

3. Pemerhatian

Pemerhatian adalah merupakan perkara yang dilakukan pada setiap hari sama ada secara sedar atau pun tidak sedar. Pemerhatian merupakan suatu rutin dalam kehidupan manusia memahami perkara yang berlaku di sekeliling mereka. Terdapat perbezaan di antara pemerhatian “orang biasa” dengan pemerhatian seorang penyelidik. Sebagai penyelidik, mereka perlu dilatih dalam teknik pemerhatian yang berkesan supaya dapat melakukan pemerhatian secara terancang dan sistematik. Menurut Kidder (1981) pemerhatian dianggap sebagai alat kajian apabila (1) ia digunakan untuk mencapai tujuan kajian, (2) dirancang dengan rapi, (3) direkod secara sistematik dan (4) diperiksa dan dikawal kesahan dan kebolehpercayaannya

4. Bahan Dokumen

Untuk memahami sejarah serta konteks persekitaran tempat kajian, satu daripada caranya adalah dengan mengkaji dan menganalisis dokumen dan rekod yang berkaitan. Biasanya dokumen dan rekod tersebut bukan sahaja mengandungi pelbagai maklumat statistik tentang pelbagai aspek kehidupan populasi yang dikaji tetapi juga mengandungi maklumat tentang kepercayaan, budaya serta nilai yang dimiliki dan dianuti oleh masyarakat tempat yang dikaji. Maklumat yang diperolehi daripada dokumen-dokumen tersebut boleh menambah dan menjelaskan data dan maklumat yang diperolehi dan yang dianalisis melalui pemerhatian dan temubual. Berbanding dengan pemerhatian dan temu bual, pendekatan ini tidak menonjol dan tidak mengganggu latar kajian. Bahan-bahan arkib biasanya merupakan rekod yang boleh digunakan untuk memahami budaya komuniti yang dikaji, di samping dokumen-dokumen peribadi, dokumen rasmi dan tidak rasmi. Kualiti dokumen-dokumen ini adalah pelbagai dan berbeza-beza. Sesetengah dokumen mungkin mengandungi fakta-fakta terperinci tentang tarikh-tarikh tertentu. Sesetengahnya pula mungkin mengandungi deskripsi tentang pemikiran dan kepercayaan masyarakat yang dikaji

5. Menulis Diari

Catatan diari adalah penting dalam penyelidikan tindakan. Diari mengandungi catatan mengenai pemerhatian, perasaan, tindakan, hipotesis dan penyelesaian sesuatu situasi yang

boleh dibuat. Diari kajian adalah merupakan rekod tentang penglibatan penyelidik dalam projek. Diari mengandungi maklumat tentang penyelidik, aspek yang dibuat oleh penyelidik dan proses penyelidikan. Diari menambah maklumat kepada data yang diperolehi melalui kaedah lain seperti pemerhatian, temu bual dan lain-lain.

MENTAFSIR DATA (MICROSOFT EXCEL)

Menganalisis data adalah merupakan satu proses untuk memahami data. Pada asasnya kita cuba untuk menjawab soalan kajian melalui data yang dikumpul dan dianalisis. Sama ada data berbentuk numerik atau pun perkataan, tugas menganalisisnya adalah sama. Kita cuba untuk melihat trend, pola dan tema. Bagi Sagor (2000), terdapat dua soalan utama yang penyelidik kajian tindakan boleh gunakan sebagai panduan.

Analisis dan mentafsir data yang diperolehi boleh diintegrasikan dengan menggunakan microsoft excel.

Mengira jumlah data

1. Buka microsoft excel
2. Masukkan data berdasarkan soal selidik ke dalam excel.
3. Kira jumlah setiap jawapan yang telah ditanda oleh responden.

4.

ANALISIS DATA																
Bil.	A1		B1		B2		C1					C2				
	1	2	1	2	1	2	1	2	3	4	5	1	2	3	4	5
1	1			1	1				1						1	
2	1			1	1				1						1	
3	1			1		1			1						1	
4		1	1			1			1						1	
5		1	1			1			1						1	
6	1			1		1			1						1	
7		1	1			1			1						1	
8	1			1		1			1						1	
9	1			1	1				1						1	
10	1			1	1				1						1	
11		1	1		1				1						1	
12		1	1		1					1						1
13		1	1		1					1						1
14	1		1		1					1						1
15	1		1		1					1						1
16	1		1		1					1						1
17		1	1		1				1						1	
18		1	1		1				1						1	
19		1	1		1				1						1	
20		1	1		1				1						1	
21	1			1		1			1						1	
22	1			1		1					1				1	
23	1			1		1					1				1	
24		1	1			1					1				1	
25		1	1			1					1				1	
26		1	1		1						1				1	
27		1	1		1						1				1	
28	1		1		1						1					1
29	1		1		1						1					1
30	1		1		1						1					1
JUMLAH	16	14	20	10	19	11			16	5	9				22	8

Bilangan
Respon

Jumlah jawapan yang ditanda


Σ AutoSum

Mengira peratusan data


1. Berdasarkan jumlah jawapan yang dimasukkan ke dalam excel (gambar 1.1) sediakan jadual seperti berikut:

			%
B1	Ya	20	
	Tidak	10	
	Jumlah	30	

2. Kira jumlah peratusan.




Taip = pada kolom peratusan. Pilih jumlah jawapan yang dibahagikan kepada jumlah keseluruhan dan didarabkan dengan jumlah peratus. Tekan *enter*.



Membuat Carta


1.



	B	D	E
17	Jumlah		
18			
19		%	
20	Saya memperoleh maklumat berkaitan dengan kursus.	Sangat Kerap	30
21		Kerap	16.6667
22		Sederhana	53.3333
23		Jarang	0
24		Tidak Pernah	0
25	Jumlah	100	

Pilih kolom seperti dalam gambar di atas. Insert chart.

2.



Klik pada gambar arrow dibahagian charts.

RUJUKAN

Ary. D., Jacobs. L.C dan Razavieh. A (2002). Introduction to research in education. (6th ed.). Wadsworth/Thompson Learning. Belmont: California.

Bhasah Abu Bakar (2007). Kaedah analisis data penyelidikan ilmiah. Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Bibliografi. (2007) Kamus Dewan. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Bogdan, R.C. & Biklen, S.K., (1998) Qualitative Research for Education, An Introduction to Theory and Methods, 3rd Ed., Boston: Allyn & Bacon

Cambridge Free English Dictionary and Thesaurus. Diakses daripada <http://dictionary.cambridge.org>

Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2003). Research methods in education (5th ed.).

Creswell, J.W. (2003) Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches (2nd Ed.), Thousand Oaks: Sage

Encyclopedia. Diakses daripada <http://www.britannica.com>

Fact Monster: Online Almanac, Dictionary, Encyclopedia, and Homework Help. Diakses daripada <http://www.factmonster.com>

Fontana, A., & Frey, J.H., The Interview: From Structured Questions to Negotiated Text, dalam Denzin & Lincoln, (2003)(eds) Collecting and Interpreting Qualitative Materials, 2nd Ed., Thousand Oaks: Sage

Harris, R. (2016). Anti-Plagiarism Strategies. Virtualsalt.com. Diakses daripada <http://virtualsalt.com/antiplag.htm>

Miles, M.B., & Huberman, A.M. (1994) Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook (2nd ed.) Thousand Oaks, CA.: Sage

Mohd Zaki Awang Mat (2016). Penilaian laman web untuk pendidikan oleh Mohd. Zaki bin Awang Mat. Bmspm.net. Diakses daripada <http://www.bmspm.net/nilaiweb.htm>

Mohd. Zaki bin Awang Mat. (n.d.). Penilaian laman web untuk pendidikan. Diakses daripada <http://www.bmspm.net/nilaiweb.htm>

Mohd. Zaki Hj. Awang Mat (2001). Penilaian dan Pemilihan Bahan Sumber di Internet. Uniputra, Serdang, Selangor D.E.

Noresah, B., & Ibrahim, A. (2010). Kamus Dewan Edisi Keempat. *Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.*

Othman Lebar, (2007). Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod, Tanjong Malim: Penerbit UPSI

Renzulli, J.S. & Reis, S.M. (1994). Research related to the Schoolwide Enrichment Triad Model, *Gifted Child Quarterly* 38(1): 7-20.

Renzulli, J.S., Reis, S.M. & Smith L.H. (1981). *The revolving door identification model*. Mansfield Center, CT: Creative Learning Press.

Renzulli, J. S. & Reis, S. (1997). The Schoolwide enrichment model: New directions for developing high-end learning. Dlm. Colangelo, N., & Davis, G., (pnyt.). *Handbook of gifted education*. Needham height: Allyn & Bacon.

Ruiz Mafé, C., & Sanz Blas, S. (2006). Explaining Internet dependency. *Internet Research*, 16(4), 380-397. <http://dx.doi.org/10.1108/10662240610690016>

Save Time and Improve your Marks with CiteThisForMe, The No. 1 Citation Tool. (2016). Cite This For Me. Retrieved 30 March 2016, from <https://www.citethisforme.com/cite/website>

Schensul, S.L., Schensul, J.J. & LeCompte, M.D., (1999) *Essential Ethnographic Methods, Ethnographer's Toolkit*, New York: Altamira Press

Subrata, G., & Kom, S. (2007). *Kajian Ilmu Perpustakaan: Literatur Primer, Sekunder dan Tersier*. Universitas Negeri Malang.

World Map / World Atlas / Atlas of the World Including Geography Facts and Flags. Diakses dari <http://www.worldatlas.com>